

### **3.0 Pengenalan**

Bab ini menerangkan kaedah kajian yang meliputi reka bentuk kajian, sampel kajian, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisaan data. Kaedah yang sesuai dirancang supaya data kajian yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

Trudgill (1974:172), dalam pernyataannya berpendapat bahawa kajian terhadap fenomena perlakuan bahasa dalam suatu komuniti, menurut perspektif sosiolinguistik, memerlukan penggunaan metodologi empirikal, iaitu kajian lapangan di mana penglibatan diri pengkaji bahasa dalam komuniti bahasa yang dikajinya adalah penting. Oleh yang demikian, pengkaji memilih kaedah kajian lapangan dalam kajiannya. Bab ini menerangkan bagaimana data kajian dikumpulkan, ditranskripsikan dan dianalisis.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif mudah. Kajian ini hanya memfokus dan membincangkan fenomena penukaran kod dan pembauran kod yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah khasnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda Kuala Lumpur. Jadi kaedah kajian lapangan juga digunakan dalam kajian ini. Pengkaji akan memerhati, mendengar, merakam pertuturan pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kuantitatif mudah juga digunakan bagi tujuan mencari peratusan untuk memastikan kekerapan penukaran kod yang berlaku.

### **3.2 Kerangka Teoritis**

Penukaran kod dan pembauran kod tidak akan berlaku dalam masyarakat monolingual. Ini bererti penukaran kod dan pembauran kod akan hanya berlaku apabila berlakunya pertembungan bahasa dalam situasi bilingual atau multilingual. Oleh itu, konteks situasi merupakan salah satu variable yang mempengaruhi darjah amalan penukaran dan percampuran kod(Asmah,1985). Status sesuatu bahasa dari segi nilai ekonomi yang tinggi juga menyebabkan bahasa itu digunakan secara meluas oleh sesuatu masyarakat yang bukan penutur asli bahasa tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengubah sikap penutur asli sesuatu bahasa untuk mengalih ke dalam bahasa lain.

Oleh itu, dapatan dan pendapat para pengkaji dapat dirumuskan sebagai satu teori bahawa penukaran dan pembauraan kod sudah pasti berlaku dalam kalangan masyarakat bilingual atau multilingual. Akan tetapi kepesatan berlakunya penukaran kod dan pembauran kod itu turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti status bahasa dan sikap penutur. Kerangka ini akan menjadi landasan bagi menjalankan kajian ini.

### **3.3 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini beberapa instrumen kajian akan digunakan. Antaranya ialah soal selidik, tajuk-tajuk perbincangan dan panduan temubual semi- berstruktur.

#### **3.3.1 Soal selidik**

Soal selidik lampiran ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat demografi responden seperti nama, tingkatan, dan nama sekolah rendah.

Bahagian B soal selidik mengandungi 10 soalan tertutup yang perlu dijawab mengikut skala Likert. Soalan-soalan ini menjurus ke arah mendapatkan maklumat dari responden mengenai adakah ketiadaan kosa kata dalam bahasa matrix atau bahasa utama menyebabkan responden untuk menggunakan bahasa asing, adakah fenomena ini berlaku kerana perbincangan itu bertemakan sesuatu topik yang hangat diperbincangkan dan isu bukan dari unsur budaya sesuatu masyarakat bahasa, adakah pengetahuan atau penggunaan pelbagai bahasa pengantar untuk mempelajari mata pelajaran tertentu di sekolah menengah menjadi salah satu faktor berlakunya penukaran dan pembauran kod. Soal selidik ditadbirkan kepada 35 responden kajian ini yang merupakan pelajar-pelajar kelas bahasa Tamil. Pengkaji sendiri telah mentadbirkan soal selidik ini pada masa yang telah ditentukan dan mengumpulkannya.

### **3.3.1.1 Ujian Rintis**

Tujuan kajian rintis dijalankan dengan tujuan untuk memastikan bahawa soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden melalui borang soal selidik adalah sesuai dan mudah difahami. Ujian ini dijalankan bagi memperolehi keesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam dalam soal selidik.

Kepentingan sesuatu kajian rintis atau alat penilaian mencerminkan keupayaannya. Maka dapat dirumuskan bahawa ujian yang berkesan mempunyai kebolehpercayaan. Tujuan ujian rintis ini diadakan bagi memastikan :

- (i) Bahasa dan struktur yang digunakan dalam soal selidik adalah mudah difahami oleh responden.
- (ii) Pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik adalah menepati dan sesuai dengan pengalaman responden.
- (iii) Soalan-soalan yang dikemukakan boleh menghasilkan maklumat yang ingin diperolehi oleh pengkaji daripada responden.

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang pelajar iaitu lima orang lelaki dan lima orang pelajar perempuan. Hasilnya didapati bahawa terdapat beberapa responden yang terasa sukar untuk menjawab beberapa soalan. Maka pengkaji telah mempermudah dengan menstrukturkan semula beberapa soalan yang sedia ada bagi mendapatkan maklumat tambahan dengan melakukan sedikit penambahan dalam soalan serta melakukan pengubah suaian terhadap soalan yang sedia ada.

### **3.3.2 Panduan Temu bual Semi Berstruktur**

Satu panduan temu bual semi berstruktur telah disediakan ( Lampiran 2 ) untuk mengadakan temu bual dengan pelajar untuk mendapatkan maklumat yang memfokuskan pada perkara-perkara berikut:-

- i) Pengetahuan tentang penukaran kod
- ii) Perasaan semasa menukar kod
- iii) Sebab-sebab menukar kod

- iv) Kesedaran tentang kesan penukaran kod

### **3.3.3 Tajuk – tajuk Perbualan**

Sebanyak 5 tajuk perbincangan mengenai isu-isu semasa, seni, penulisan kreatif dan masalah soasial remaja telah disediakan. Tajuk-tajuk tersebut adalah seperti berikut:-

Panduan temu bual yang digunakan oleh pengkaji mengandungi lapan soalan. Soalan-soalan ini berkait rapat dengan aspek-aspek seperti di bawah:-

- 1) Wayang Gambar.
- 2) Pendidikan Kraftangan lebih baik daripada pendidikan akademik.
- 3) Kesan-kesan minnggu suai kenal yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Negara kita.
- 4) Ucapan tentang langkah-langkah menangani masalah keruntuhan moral dalam kalangan remaja.
- 5) Menulis cerpen yang bertemakan “PENUTUP”

### **3.4 Latar tempat kajian**

Tempat kajian yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Kuala Lumpur. Tempat ini dipilih kerana mempunyai ramai perlajar berbangsa India. Daripada pemerhatian pengkaji didapati bahawa kebanyakan pelajar sekolah ini

menggunakan bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian semasa berkomunikasi antara rakan-rakan mereka.

### **3.5 Sampel Kajian**

Sampel kajian meliputi 35 pelajar Tingkatan Lima dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2010. Sampel kajian ini dipilih kerana kesemua mereka akan mengambil matapelajaran bahasa Tamil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pengkaji telah memastikan bahawa kesemua 35 responden ini telah menerima pendidikan awal selama enam tahun di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), di mana bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar utama.

Responden juga menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi. Latarbelakang sosio-ekonomi dan tahap penguasaan atau pencapaian pelajar dalam matapelajaran bahasa Tamil tidak diambil kira semasa pemilihan sampel kajian.

### **3.6 Pengumpulan Data**

Data kajian ini telah dikumpulkan melalui empat cara, iaitu melalui soal selidik, rakaman, pemerhatian dan temubual.

#### **3.6.1 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Soal Selidik**

Semasa mengedarkan borang, responden kajian telah diterangkan tentang konsep penukaran kod. Ini adalah kerana semasa ujian rintis dijalankan didapati ramai

responden tidak mengetahui konsep penukaran kod walaupun mereka melakukan amalan penukaran kod dalam komunikasi harian dengan rakan.

### **3.6.2 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Rakaman**

Perbualan pelajar dirakamkan dengan menggunakan alat perakaman. Para pelajar telah diberitahu tentang objektif kajian ini dan persetujuan mereka telah diperoleh untuk menjadi responden kajian. Pada peringkat awal pengkaji telah membuat beberapa rakaman percubaan di mana datanya tidak digunakan bagi tujuan kajian. Langkah ini diambil untuk membiasakan responden dengan proses rakaman supaya perbualan itu menjadi lebih normal.

Sebanyak 10 rakaman perbualan pelajar mengenai sesuatu topik yang dibincangkan sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Tamil dirakamkan. Setiap satu rakaman itu dilakukan selama 80 minit. Ia ditunjukkan oleh jadual 3.1

### **Jadual 3.1 Jadual Rakaman Pengajaran dan Pembelajaran**

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Rakaman</b>	<b>Kelas</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>
28.6.2010	2.00-3.20	1	5S1, 5S2 & 5A1	18
1.7.2010	2.00-3.20	2	5A2, 5A3 & 5A4	17
5.7.2010	2.00-3.20	3	5S1, 5S2 & 5A1	18
8.7.2010	2.00-3.20	4	5A2, 5A3& 5A4	17
12.7.2010	2.00-3.20	5	5S1, 5S2 & 5A1	18
15.7.2010	2.00-3.20	6	5A2, 5A3 & 5A4	17
19.7.2010	2.00-3.20	7	5S1, 5S2 & 5A1	18
22.7.2010	2.00-3.20	8	5A2, 5A3 & 5A4	17
26.7.2010	2.00-3.20	9	5S1, 5S2, 5A1, 5A2, 5A3 & 5A4	35
29.7.2010	2.00-3.20	10	5S1, 5S2, 5A1, 5A2, 5A3 & 5A4	35

#### **3.6.3 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Pemerhatian**

Pengkaji telah membuat nota pemerhatian semasa responden-responden kajian sedang berbincang mengenai sesuatu topik karangan. Beliau tidak menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan kaedah ini kerana beliau sendiri adalah guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Oleh itu pengkaji telah mendapatkan maklumat dan data masa beliau mengajar kelas tersebut. Pengkaji telah memerhati dan mencatatkan maklumat dalam perbualan pelajar. Peranan beliau tidak diketahui oleh responden kajian. Kaedah ini juga membolehkan pengkaji memperoleh data dan maklumat yang banyak daripada responden kajian.

### **3.6.4 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Temubual**

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat tambahan yang perlu bagi tujuan kajian ini. Temubual diadakan dengan beberapa responden terpilih yang banyak melakukan penukaran dan pembauran kod semasa pengajaran dan pembelajaran. Mereka terdiri daripada tujuh orang sampel. Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang diri mereka dan fenomena penukaran dan pembauran kod. Soalan-soalan temubual difokuskan pada aspek-aspek berikut.

- i) Pengetahuan sampel tentang penukaran kod
- ii) Perasaan semasa menukar kod
- iii) Sebab-sebab yang mendorong penukaran kod.
- iv) Kesedaran tentang kesan penukaran kod

Berdasarkan aspek-aspek di atas pengkaji telah mengemukakan soalan-soalannya semasa menemubual responden untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi melicinkan proses pengumpulan data. Panduan Temu Bual Semi Berstruktur (Lampiran 2 ) telah digunakan.

### **3.7 Penganalisisan Data**

Data yang dikumpulkan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif mudah. Semua data diperolehi melalui pemerhatian, borang soal selidik dan rakaman audio dikumpulkan. Data-data yang dikumpulkan itu dianalisis secara manual.

Data yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis secara kiraan mudah berdasarkan bilangan responden yang menjawab mengikut Skala Likert. Melalui penganalisisan ini pengkaji dapat menentukan faktor-faktor berlakunya penukaran dan pembauran kod.

### 3.7.1 Penganalisisan Data dari Rakaman Perbualan

Sebanyak 10 sesi rakaman pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan selama 80 minit setiap satu telah ditranskripsikan. Penganalisisan dilakukan untuk menentukan sejauh manakah penukaran dan pembauran kod berlaku dalam kalangan responden. Penganalisisan ini juga bertujuan menentukan pembauran kod pada peringkat kata dan frasa dan ayat. Ujaran individu setiap responden dinomborkan seperti berikut:

UJ 2 : [..ok.....namba                  ***school***                  pillaiñkaala    etuttukkuvo:me:  
velliñlamaia:yidda: po:tum,    kañtippa.....atule    vantu    enna:nna:  
***dialogue*** sonna: athai appatiye: puttu puttu vaikkira:ñke...]

UJ 4 : [[.....atukkappuram ***black and white***    vantukittirinticcu, appuram  
***colour filem*** vanticcu, ippa neraya: ***technologi use*** panni romba  
***demo*** pannikittu irukka:ñke.]

UJ6 : [..... ***cinema:vaip***    pa:rpa:ñka    pala    manithargal. ***cinema:vaik***  
kañtiruppa:ñke.....namba.... ***Super star***    rajnikanth    avure  
etutukkitta:ñke na:kka: avaru....***bas tiket*** ....]

### 3.7.2 Penganalisisan Data Secara Kuantitatif

Pengkaji telah menganalisis data secara kuantitatif untuk mengkaji peringkat berlakunya penukaran kod dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Kuala Lumpur. Kaedah penganalisisan ini digunakan bagi mencari peratusan penukaran kod dan percampuran kod secara umum. Kaedah ini juga digunakan bagi mencari peratus terperinci penukaran kod dan percampuran yang berlaku pada peringkat perkataan, frasa dan ayat serta mencari golongan kata yang mengalami penukaran kod. Iaitu sama ada kata nama, kata kerja atau kata adjektif.

### **3.7.3 Penganalisan Data Secara Kualitatif**

Pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk menganalisis transkripsi perbualan responden. Data kajian dianalisis untuk melihat perubahan yang kerap berlaku sama ada pada peringkat kata, frasa atau ayat. Selain itu kaedah ini juga digunakan untuk menentukan pola-pola pembauran yang wujud dalam perbualan responden. Menentukan pola-pola pembauran bererti menganalisis perbualan responden untuk melihat apakah kod yang digunakan responden semasa memulakan pertuturan dan apa pula kod yang digunakan semasa penukar atau pembauran. Sebagai contohnya:-

Bahasa Tamil  $\Rightarrow$  Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris  $\Rightarrow$  Bahasa Tamil  $\Rightarrow$  Bahasa Malaysia

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya bab ini menjelaskan reka bentuk kajian, kerangka teoritis, kaedah penyelidikan, instrumen pengumpulan data dan penganalisisan data. Latar belakang dan lokasi kajian juga telah dibincangkan. Dua kaedah yang digunakan untuk menganalisis data juga dibincangkan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.